





Mengenai Kami

Menerajui Pelancongan Pulau, Mencipta Pengalaman Luar Biasa!

Holidaygogogo Tours Sdn Bhd (1060502M / 201301030674) merupakan sebuah agensi pelancongan terkemuka di Malaysia. Kami mengkhusus dalam menyediakan perkhidmatan pelancongan yang komprehensif dan bertaraf profesional untuk mencipta pengalaman percutian yang sukar dilupakan.

Sebagai pengendali pelancongan profesional, kami menawarkan pakej percutian khas dengan perancangan teliti demi memenuhi keutamaan dan kehendak setiap pelanggan. Perkhidmatan kami yang diperibadikan juga memenuhi segala keperluan pelanggan agar setiap detik percutian bebas daripada sebarang kerumitan.

Visi Kami

Untuk menjadi pengendali pelancongan terkemuka di Malaysia, dengan menawarkan pengalaman percutian yang unik dan sukar dilupakan melalui pelbagai pakej percutian yang dirancang teliti dengan sentuhan peribadi.

Misi Kami

Sebagai agensi pelancongan yang bereputasi di Malaysia, Holidaygogogo komited untuk menyediakan perkhidmatan pengurusan perjalanan yang diyakini serta meliputi segala aspek — dari tempahan tiket penerbangan dan penginapan hinggalah pengangkutan dan aktiviti — agar setiap detik percutian anda dipenuhi dengan kenangan terindah.





Gambaran Ringkas

Pematuhan kepada Keperluan Kawal Selia: Untuk Jaminan Perjalanan yang Diyakini

Holidaygogogo Tours Sdn Bhd ditubuhkan pada tahun 2013 dengan ibu pejabat di Shah Alam, Selangor. Ia beroperasi dengan sokongan tenaga kerja profesional yang komited membekalkan perkhidmatan berkualiti tinggi secara 100% dalam talian.

Berikut adalah senarai pengiktirafan kami:

☆ Kami ialah ejen pelancongan sah yang diiktiraf oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya (MOTAC), nombor lesen KPK/LN 7373.

(Untuk pengesahan, sila layari laman web rasmi MOTAC:

<https://motac.gov.my/en/check/toftab> dan buat carian "Holidaygogogo Tours".)

☆ Kami juga merupakan ahli berdaftar Persatuan Ejen Pelancongan dan Pengembaraan Malaysia (MATTA), nombor keahlian MA4463.

☆ Berdasarkan maklum balas pelanggan, perkhidmatan kami diberi penarafan 4.8 bintang (daripada skor penuh 5 bintang) secara konsisten di Google.

Sebagai agensi pelancongan yang berdaftar dengan MOTAC dan MATTA, kami mematuhi sepenuhnya segala peraturan yang ditetapkan oleh pihak industri. Kami menyediakan perkhidmatan yang sah demi melindungi hak dan kepentingan para pelanggan kami.

Kisah Kami

Bermula dengan Coretan Blog, Kini Dikenali Sebagai Pakar Percutian Pulau: Kisah Perkembangan Holidaygogogo

Apabila sudah timbul minat yang mendalam terhadap sesuatu, lambat laun ia pasti akan mendorong kita untuk menjadi pakar dalam bidang terbabit. Bermula sebagai jurutera elektronik, Simon Lee sentiasa sibuk mengolah ratusan data yang rumit setiap hari. Ini membuatkan beliau mengimpikan tiupan angin laut yang menyegarkan dan rentak kehidupan santai di pulau.

Pada tahun 2010, Simon mula menzahirkan kerinduannya terhadap kehidupan pulau dalam siri catatan blog dan koleksi pelbagai foto yang menarik. Melalui blog www.holidaygogogo.com, beliau mula mendokumentasikan kembaranya di pulau sambil berkongsi pengalaman serta tip perjalanan yang sangat berguna.

Dari sehari ke sehari, blog Simon semakin menarik perhatian ramai pembaca yang gemar bercuti di pulau. Terpesona dengan kisah yang dipaparkan, para pengunjung blognya mula mengajukan pelbagai soalan berkaitan aktiviti percutian pulau.

Susulan daripada itu, pada tahun 2013, lahirah Holidaygogogo Tours yang diasaskan oleh Simon dan rakan kongsinya, Cik Tan Chin Teng. Agensi pelancongan tersebut mencerminkan peralihan daripada hobi kepada perkhidmatan profesional untuk pengembara yang mengidamkan percutian di pulau.



Sistem Digital Proprietari

Memacu Kecemerlangan Perkhidmatan dengan Sistem Digital Proprietari



Kami membangunkan sistem pengurusan digital yang selamat dan diyakini untuk meningkatkan kecekapan perkhidmatan kami. Sistem canggih ini menyimpan rekod prestasi yang lengkap bagi setiap tempahan perjalanan, supaya perancangan yang tepat dan terperinci boleh dilakukan pada setiap peringkat.

Proses Komprehensif: Sistem ini merekodkan butiran lengkap untuk semua peringkat, daripada pembelian pakej hinggalah tamat sesuatu percutian, untuk meminimumkan sebarang kesilapan.

Pengurusan yang Cepak: Setiap butiran itinerari dimasukkan ke dalam sistem bagi memastikan segalanya berjalan mengikut jadual. Malah, sebarang isu yang timbul dapat ditangani dengan cekap dan pantas.

Aliran Kerja yang Sistematik: Sistem digital ini mematuhi prosedur operasi standard (SOP). Kakitangan perkhidmatan pelanggan melaksanakan setiap tugas mengikut aliran kerja yang ditetapkan dalam sistem.

Sistem pengurusan digital ini memenuhi peranannya sebagai alat pemantauan kualiti perkhidmatan, sekaligus meningkatkan kecekapan perkhidmatan dan memastikan pelanggan dapat menikmati pengalaman yang direncanakan tanpa sebarang kebimbangan.

Keistimewaan Tempahan

Kelebihan Kami – Keutamaan Tempahan dan Sewaan Bilik Sepanjang Tahun

Berbekalkan pengalaman luas dalam industri pelancongan pulau, kami berjaya menjalin kerjasama erat dengan lebih 60% hotel di pelbagai pulau seluruh negara. Kami menjalankan proses saringan yang ketat untuk menawarkan penginapan berkualiti tinggi kepada para pelanggan kami.

Hotel-hotel ini memberi kami keistimewaan seperti keutamaan tempahan dan sewaan bilik. Walaupun pada musim kemuncak, kami masih berpeluang tinggi untuk mendapatkan bilik bagi pelanggan kami — ia adalah sesuatu yang sukar ditandingi oleh kebanyakan syarikat pelancongan lain.

Kelebihan ini adalah hasil titik peluh kami yang giat mempromosikan industri pelancongan pulau. Malah, reputasi kami yang disenangi juga menyumbang kepada usaha sama yang rapat dengan pihak penyedia penginapan.

Rakan Strategik

Kerjasama dengan Hotel-hotel Ternama untuk Menyediakan Penginapan Berkualiti

Sebagai syarikat pelancongan sah yang berdaftar dengan MOTAC dan MATTA, kami telah menandatangani kontrak kerjasama dengan puluhan hotel di pulau-pulau popular seluruh Malaysia. Hotel-hotel ini disaring melalui proses pemilihan yang teliti bagi memenuhi standard tinggi yang kami tetapkan. Melaluinya, kami mampu menawarkan pengalaman penginapan premium kepada setiap pelanggan kami.

Berikut ialah senarai rakan-rakan hotel kami:

- ☆ Rawa Island Resort
- ☆ Redang Laguna Resort
- ☆ Perhentian Island Resort
- ☆ Summerbay Lang Tengah Resort
- ☆ Sipadan Kapalai Dive Resort
- ☆ Mabul Water Bungalow
- ☆ Aman Tioman Beach Resort
- ☆ Berjaya Resorts & Hotels



Jaminan Itinerari

Mekanisme Semakan Itinerari yang Komprehensif

Kami membangunkan mekanisme semakan itinerari yang ketat bagi memastikan segala perancangan disusun dengan teliti. Daripada pembelian pakej hinggalah seminggu sebelum berlepas, kami menjalankan tiga semakan terperinci untuk mengesahkan ketepatan setiap butiran.

Semakan Pertama: Sebelum menerima bayaran, kami akan mengesahkan itinerari anda termasuk penginapan, pengangkutan, tiket bot dan sebagainya untuk memastikan segala butiran adalah tepat.

Semakan Kedua: Selepas menerima bayaran, kami akan menyemak semula maklumat untuk mengesahkan bahawa pakej yang anda beli adalah konsisten dengan perancangan yang telah kami atur.

Semakan Ketiga: Seminggu sebelum berlepas, kami melakukan pemeriksaan terakhir untuk memastikan sekali lagi bahawa semua butiran adalah tepat. Itinerari yang telah dimuktamadkan itu akan dihantar kepada anda.

Melalui tiga mekanisme semakan ini, kami berupaya meningkatkan ketepatan perkhidmatan dan memberi jaminan menyeluruh untuk perjalanan anda.




Jaminan Integriti

Sahkan Dulu, Bayar Kemudian: Lindungi Perjalanan Anda

Kami menyediakan perkhidmatan yang telus dengan menasihati pelanggan supaya menghubungi hotel terlebih dahulu untuk mengesahkan status tempahan sebelum membuat bayaran. Untuk tujuan ini, pelanggan perlu menyatakan tarikh penginapan yang dijadualkan dan mengesahkan bahawa tempahan telah benar-benar dibuat. Sebaik sahaja penginapan disahkan, pelanggan boleh meneruskan pembayaran dan mula membuat persiapan sewajarnya.

Anda selangkah lebih dekat untuk menikmati percutian idaman anda. Usah runsing, biarkan kami uruskan segalanya mengikut cita rasa anda sendiri.

**Jangan tunggu.
Tempah sekarang: www.holidaygogogo.com**



HOLIDAYGOGOGO TOURS SDN BHD
(1060502-M)

License No.: KPK/LN 7373

MATTA Reg: MA4463

CO-18-01 & 13A, Menara Sunsuria, Sunsuria Forum,
Jalan Setia Dagang AL U13/AL, Setia Alam, 40170
Shah Alam, Selangor

+6010 221 6385

simon@holidaygogogo.com

www.holidaygogogo.com

HolidayGoGoGo.com

holidaygogogo_

@holidaygogogo_

